# PEKELILING NAIB CANSELOR

## Bilangan 11 Tahun 2021

## PEKELILING PENGOPERASIAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) SEMASA TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 1, 2 DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN

### 1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan mengenai Pengoperasian Universiti Teknologi MARA (UiTM) semasa tempoh Pelan Pemulihan Negara Fasa 1, 2 dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

### 2.0 LATAR BELAKANG

2.1 YAB Perdana Menteri pada 15 Jun 2021 telah mengumumkan pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) di seluruh negara sebagai satu strategi peralihan keluar secara berfasa dari kemelut pandemik COVID-19. Susulan dari pelaksanaannya, kerajaan turut mengumumkan perubahan pelaksanaan fasa PPN dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dari semasa ke semasa berdasarkan status penularan jangkitan COVID-19 mengikut negeri. Berdasarkan kepada perubahan tersebut, semua sektor ekonomi dan perkhidmatan perlu beroperasi berdasarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan mengikut fasa-fasa yang telah ditetapkan.

2.2 Merujuk kepada perkara ini, Ketua Setiausaha, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui surat rujukan JPT(A)1000/001/019/01JLD.24(48) bertarikh 15 Julai 2021 telah mengeluarkan SOP Sektor Pendidikan Fasa 1, 2 dan PKPD seperti yang telah diwartakan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

2.3 Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Khas pada 16 Julai 2021 telah bersetuju meluluskan Pengoperasian Universiti Teknologi MARA (UiTM) semasa tempoh Pelan Pemulihan Negara Fasa 1, 2 dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

## 3.0 PELAKSANAAN

3.1 Arahan Pelaksanaan ini adalah terpakai kepada:

(a) semua staf Universiti Teknologi MARA (staf tetap/ kontrak/ harian/ *Part Time Full Time/* Pekerja Sambilan Harian).

(b) Semua pelajar Universiti Teknologi MARA.

3.2 Prosedur Operasi Standard (SOP) semasa tempoh Pelan Pemulihan Negara Fasa 1, 2 dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Universiti Teknologi MARA (UiTM) adalah seperti di Lampiran A.

## 4.0 PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Naib Canselor ini, maka pekeliling dan surat edaran berikut adalah dibatalkan.

(a) Pekeliling Naib Canselor Bil. 8 Tahun 2021: Pekeliling Pelaksanaan Pengoperasian Universiti Teknologi MARA (UiTM) Bagi Pelajar Di Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1: 1-14 Jun 2021;

(b) Pekeliling Naib Canselor Bil. 9 Tahun 2021: Pekeliling Pelaksanaan Pengoperasian Universiti Teknologi MARA (UiTM) Bagi Staf Di Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1: 1 – 14 Jun 2021;

(c) Surat Kebenaran Bertugas di Institusi Pendidikan Tinggi Semasa Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa Pertama bertarikh 9 Jun 2021;

(d) Surat Pelaksanaan Pengoperasian Universiti Teknologi MARA (UiTM) Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Bagi Staf dan Pelajar bertarikh 15 Jun 2021;

(e) Pekeliling Naib Canselor Bil. 10 Tahun 2021:Pekeliling Pelaksanaan Pengoperasian Universiti Teknologi MARA (UiTM) Bagi Staf Di Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD);

(f) Surat Pelaksanaan Pengoperasian Universiti Teknologi MARA (UiTM) Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Bagi Staf Dan Pelajar bertarikh 3 Julai 2021; dan

(g) Surat Pelaksanaan Latihan Industri Pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sepanjang Tempoh Pelan Pemulihan Negara bertarikh 8 Julai 2021.

## 5.0 TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliling ini dikeluarkan pada 16 Julai 2021.

## 6.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 16 Julai 2021.

## 7.0 PEMAKAIAN

Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua staf dan pelajar UiTM serta untuk **edaran dalaman sahaja.**



**PROFESOR Ts. DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR**
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Menjalankan Fungsi Naib Canselor

*Dikelilingkan Kepada:*

*Ahli Majlis Eksekutif Universiti*
*Penolong Naib Canselor*
*Semua Rektor UiTM Cawangan*
*Semua Dekan Fakulti*
*Pengarah Pembangunan Pelajar*
*Pengarah Pembangunan Akademik*
*Pengarah Pusat Kesihatan*
*Semua Pengetua Kolej Kediaman*
*Semua Pengurus Asrama Kolej Kediaman*
*Ketua Polis Bantuan UiTM*
*Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar*
*Yang Dipertua Jawatankuasa Perwakilan Kolej*
*Semua Warga UiTM*
*Semua Pelajar UiTM*

Bil. Fail : 100-UiTM (NC. 6/2)
No. Siri : 100-UiTM (NC 6/2) 11/2021

**Lampiran A**

**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) SEMASA TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 1, 2 DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)**

<table>
<tr><th colspan="2">TINDAKAN</th><th>PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)</th><th>FASA 1</th><th>FASA 2</th></tr>
<tr><td colspan="2">Aktiviti tidak dibenarkan</td><td>• Keluar dari rumah bagi aktiviti selain dari yang dibenarkan tanpa kebenaran PDRM.<br>• Pergerakan keluar penduduk.<br>• Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD.</td><td>• Pergerakan rentas daerah dalam kawasan PPN dan rentas negeri lain tanpa kebenaran PDRM.<br>• Pergerakan keluar dan masuk kawasan PPN tanpa kebenaran PDRM.<br>• Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan.</td><td>• Pergerakan rentas daerah dalam kawasan PPN dan rentas negeri lain tanpa kebenaran PDRM.<br>• Pergerakan keluar dan masuk kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM.<br>• Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan</td></tr>
<tr><td colspan="2">Kapasiti pekerja di premis universiti</td><td>• Tertakluk kepada arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan.<br>• 100% BDR kecuali proses kerja yang tidak boleh dilaksanakan secara BDR.</td><td>• Tertakluk kepada arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan.<br>• 100% BDR kecuali proses kerja yang tidak boleh dilaksanakan secara BDR.<br>• Kehadiran di pejabat hanya dibenarkan bagi perkhidmatan perlu dan tidak melebihi 20% pada satu-satu masa berdasarkan keutamaan kepada proses kerja yang tidak boleh dilaksanakan secara BDR</td><td>• Pengoperasian IPT dilaksanakan secara hibrid melalui keberadaan di pejabat dan BDR.<br>• Tidak melebihi 40% pada satu-satu masa berdasarkan keutamaan kepada proses kerja yang tidak boleh dilaksanakan secara BDR.<br>• Tertakluk kepada arahan semasa Ketua Setiausaha Negara (KSN) (IPTA).</td></tr>
<tr><td colspan="5">Pentadbiran Universiti Teknologi MARA (UiTM)</td></tr>
<tr><td>1.</td><td>Penyediaan Daftar Kehadiran</td><td colspan="3">• Memastikan daftar kehadiran staf ke pejabat (jadual bertugas) disediakan.<br>• Kapasiti staf yang bertugas di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) adalah mengikut jadual yang ditetapkan di PPV (mengikut tempoh operasi yang ditentukan) dengan pematuhan terhadap SOP.<br>• Staf dikehendaki menggunakan Aplikasi MySejahtera dan mengisi Borang Deklarasi Harian Saringan Risiko COVID-19 UiTM setiap hari (sebelum hadir ke pejabat). Mengimbas Kod QR apabila melibatkan pergerakan di dalam premis UiTM di SaringC19.<br>• Staf yang hadir di premis UiTM (Bekerja Di Pejabat) hendaklah mengisi rekod kehadiran melalui Time Management System (TMS) di sistem HR2U (sila pilih Bekerja Di Pejabat);<br>• Kehadiran ke pejabat perlu disertakan dengan dokumen rasmi (surat kebenaran dari Ketua PTJ/Ketua Jabatan)<br><br>i. Borang Kebenaran Bertugas<br>Institusi Pendidikan Tinggi (IPT)<br>(lengkap ditandatangan dan cop pengesahan oleh Ketua PTJ)</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th colspan="2">TINDAKAN</th><th>PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)</th><th>FASA 1</th><th>FASA 2</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td colspan="3">ii. Salinan Surat Ketua Setiausaha, Kementerian Pengajian Tinggi dalam surat bil. JPT(A)1000/001/019/01JLD.24(33) bertarikh 30 Jun 2021<br><br><u>Nota:</u><br><br>Bagi staf yang Bekerja Dari Rumah (BDR), sila rujuk Panduan Bekerja Dari Rumah – 30 Mac 2020 dan merekod kehadiran dengan mengisi TMS di sistem HR2U (sila pilih Bekerja Dari Rumah).</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Mengambil Suhu Badan serta Melakukan Saringan Gejala</td><td colspan="3">Mengambil suhu badan staf, pelajar dan pelawat serta melakukan saringan gejala. Individu dengan suhu badan melebihi 37.5°C dan/atau mempunyai gejala batuk, selsema, sakit tekak atau susah bernafas tidak dibenarkan masuk dan dirujuk untuk mendapat rawatan.</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Penjarakan Fizikal</td><td colspan="3">• Memastikan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.<br>• Mengelakkan 3S (Sesak, Sempit dan Sembang Dekat).</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>Kebersihan Tangan</td><td colspan="3">• Menyediakan sabun dan air atau menyediakan hand sanitizer jika tiada sabun dan air untuk mencuci tangan.<br>• Memastikan tangan dibersihkan dengan kerap.</td></tr>
<tr><td>5.</td><td>Pembersihan dan Nyah kuman</td><td colspan="3">Memastikan proses pembersihan dan nyah kuman dilaksanakan sebelum dan selepas aktiviti kerja seharian.</td></tr>
<tr><td colspan="5">Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bagi pelajar berkeperluan</td></tr>
<tr><td>6.</td><td>Kategori Aktiviti PdP yang dibenarkan</td><td>• Semua aktiviti PdP secara bersemuka adalah tidak dibenarkan.<br>• Mod PdP secara dalam talian akan diteruskan bagi kursus yang bersesuaian.</td><td colspan="2">• Semua aktiviti PdP secara bersemuka adalah tidak dibenarkan kecuali kepada pelajar UiTM yang berkeperluan sahaja.<br>• Pelajar yang berada di kampus dibenarkan meneruskan pembelajaran secara hibrid.<br>• Aktiviti yang memerlukan peralatan khas boleh dilaksanakan dengan pematuhan SOP yang ketat.<br>• Mod PdP secara dalam talian akan diteruskan bagi kursus yang bersesuaian.</td></tr>
<tr><td>7.</td><td>Peperiksaan</td><td>Peperiksaan antarabangsa atau badan profesional tidak dibenarkan</td><td colspan="2">Pelajar yang menduduki peperiksaan antarabangsa dan badan profesional dibenarkan mengikut SOP berkenaan dan pergerakan perlu disertai dengan pengesahan oleh KPT atau UiTM.</td></tr>
<tr><td>8.</td><td>Latihan Industri</td><td>Semua aktiviti berkaitan latihan industri adalah tidak dibenarkan.</td><td colspan="2">Pelajar dibenarkan menjalani latihan industri tertakluk kepada SOP yang berkuat kuasa.</td></tr>
</table>

| TINDAKAN | | PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) | FASA 1 | FASA 2 |
|---|---|---|---|---|
| | | Walau bagaimanapun, sekiranya latihan industri adalah **100% secara dalam talian** tanpa kehadiran ke pejabat secara fizikal adalah dibenarkan. | | |
| **9.** | **Kehadiran Pelajar** | Tidak berkaitan | • Memastikan daftar kehadiran disediakan.<br>• Pelajar dikehendaki menggunakan Aplikasi MySejahtera dan Borang Deklarasi Harian Saringan Risiko COVID-19 UiTM setiap hari semasa daftar hadir ke kelas. | |
| **10.** | **Mengambil Suhu Badan serta Melakukan Saringan Gejala** | Tidak berkaitan | Mengambil suhu badan staf, pelajar dan pelawat serta melakukan saringan gejala. Individu dengan suhu badan melebihi 37.5°C dan/atau mempunyai gejala batuk, selsema, sakit tekak atau susah bernafas tidak dibenarkan masuk dan dirujuk untuk mendapat rawatan. | |
| **11.** | **Penjarakan Fizikal** | Tidak berkaitan | Mengelakkan situasi 3S (Sesak, Sempit dan Sembang Dekat). | |
| **12.** | **Kebersihan Tangan** | Tidak berkaitan | • Menyediakan sabun dan air atau menyediakan hand sanitizer jika tiada sabun dan air untuk mencuci tangan.<br>• Memastikan tangan dibersihkan dengan kerap. | |
| **Pelaksanaan Aktiviti Penyelidikan Dalam Makmal** | | | | |
| **13.** | **Aktiviti Makmal** | Aktiviti penyelidikan di makmal **tidak dibenarkan**. | Aktiviti makmal yang dibenarkan ialah aktiviti penyelidikan yang melibatkan kemudahan makmal dan peralatan khas adalah **dibenarkan secara berkumpulan kecil dengan penjarakan fizikal.**<br><br>Bagi keperluan ini, pelajar perlu memohon kebenaran daripada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) terlebih dahulu mengikut SOP yang telah ditetapkan dan pergerakan perlu disertai dengan pengesahan oleh KPT atau UiTM.<br><br>Kehadiran ke kampus hendaklah disertakan dengan dokumen rasmi (surat kebenaran dari Ketua PTJ/Ketua Jabatan | Aktiviti makmal yang dibenarkan ialah aktiviti penyelidikan yang melibatkan kemudahan makmal dan peralatan khas **secara berkumpulan adalah dibenarkan**.<br><br>Bagi keperluan ini, pelajar perlu memohon kebenaran daripada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) terlebih dahulu mengikut SOP yang telah ditetapkan dan pergerakan perlu disertai dengan pengesahan oleh KPT atau UiTM.<br><br>Kehadiran ke kampus hendaklah disertakan dengan dokumen rasmi (surat |

<table>
<tr><th colspan="2">TINDAKAN</th><th>PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)</th><th>FASA 1</th><th>FASA 2</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>i. Surat Kebenaran Hadir Ke Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Susulan Perintah Kawalan Pergerakan (ditandatangan dan cop oleh Dekan/Rektor)<br><br>ii. Salinan Surat Ketua Setiausaha, Kementerian Pengajian Tinggi dalam surat bil.JPT(A)1000/001/019/01JLD.24 (33) bertarikh 30 Jun 2021</td><td>kebenaran dari Ketua PTJ/Ketua Jabatan<br><br>i. Surat Kebenaran Hadir Ke Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Susulan Perintah Kawalan Pergerakan (ditandatangan dan cop oleh Dekan/Rektor)<br><br>ii. Salinan Surat Ketua Setiausaha, Kementerian Pengajian Tinggi dalam surat bil.JPT(A)1000/001/019/01 JLD.24(33) bertarikh 30 Jun 2021</td></tr>
<tr><td>14.</td><td>Penyediaan Rekod Daftar Pengguna</td><td>Tidak berkaitan</td><td colspan="2">• Memastikan rekod daftar pengguna yang menggunakan makmal disediakan.<br>• Penggunaan aplikasi Aplikasi MySejahtera dan Borang Deklarasi Harian Saringan Risiko COVID-19 UiTM.</td></tr>
<tr><td>15.</td><td>Mengambil Suhu Badan serta Melakukan Saringan Gejala</td><td>Tidak berkaitan</td><td colspan="2">Mengambil suhu badan staf, pelajar dan pelawat serta melakukan saringan gejala. Sesiapa dengan suhu badan melebihi 37.5°C dan/atau mempunyai gejala batuk, selsema, sakit tekak atau susah bernafas tidak dibenarkan masuk dan menggunakan fasiliti dalam makmal.</td></tr>
<tr><td>16.</td><td>Kebersihan Tangan</td><td>Tidak berkaitan</td><td colspan="2">• Menyediakan sabun dan air atau menyediakan hand sanitizer jika tiada sabun dan air untuk mencuci tangan.<br>• Memastikan tangan dibersihkan dengan kerap.</td></tr>
<tr><td>17.</td><td>Pembersihan dan Nyah Kuman</td><td>Tidak berkaitan</td><td colspan="2">Pembersihan dan nyahkuman dilakukan secara kerap dalam sehari terutamanya di kawasan yang kerap disentuh di makmal/bengkel/studio.</td></tr>
<tr><td colspan="5">Pengurusan pelajar di kediaman dan fasiliti kampus</td></tr>
<tr><td>18.</td><td>Laluan Keluar Masuk IPT</td><td>• Pergerakan merentas daerah dan negeri bagi tujuan vaksinasi COVID-19 di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di luar daerah atau negeri tempat tinggal dibenarkan dengan menunjukkan butiran janji temu</td><td colspan="2">• Pelajar perlu berada di dalam kampus dan hanya dibenarkan keluar dengan kebenaran pengurusan UiTM dan pematuhan SOP.<br>• Memastikan daftar kehadiran di kediaman dan fasiliti kampus disediakan.<br>• Pelajar dikehendaki menggunakan Aplikasi MySejahtera Borang Deklarasi Harian Saringan Risiko COVID-19 UiTM.</td></tr>
</table>

| TINDAKAN | | PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) | FASA 1 | FASA 2 |
|---|---|---|---|---|
| | | di aplikasi MySejahtera, laman sesawang atau SMS.<br>• Pelajar perlu berada di dalam kampus dan hanya dibenarkan keluar dengan kebenaran pengurusan UiTM dan pematuhan SOP.<br>• Memastikan daftar kehadiran di kediaman dan fasiliti kampus disediakan.<br>• Pelajar dikehendaki menggunakan aplikasi MySejahtera dan mengisi Borang Deklarasi Harian Saringan Risiko COVID-19 UiTM setiap hari. | | |
| **19.** | **Mengambil Suhu Badan serta Melakukan Saringan Gejala** | Mengambil suhu badan serta melakukan saringan gejala. Individu dengan suhu badan melebihi 37.5°C dan/atau mempunyai gejala batuk, selsema, sakit tekak atau susah bernafas dirujuk untuk mendapat rawatan. | | |
| **20.** | **Penjarakan Fizikal** | • Pelaksanaan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter antara satu sama lain.<br>• Mengelakkan 3S (Sesak, Sempit dan Sembang Dekat) | | |
| **21.** | **Penggunaan Fasiliti** | • Penggunaan fasiliti guna sama di asrama dan kampus perlu dipantau bagi memastikan penguatkuasaan SOP.<br>• Memastikan proses pembersihan dan nyah kuman secara kerap dilaksanakan. | | |
| **22.** | **Pengurusan Pelajar Luar Kampus** | **Tiada pergerakan pelajar** keluar dan masuk ke kampus. | Bagi pelajar luar kampus yang menjalani aktiviti penyelidikan perlu mendapatkan surat kebenaran keluar masuk kampus daripada Rektor/Penolong Naib Canselor Kolej Pengajian/Dekan. | |
| **23.** | **Nasihat Kesihatan** | • Mengamalkan 3W (*Wash, Wear and Warn*).<br>• Pemakaian pelitup muka ketika di kawasan guna sama.<br>• Penggunaan hand sanitizer secara kerap. | | |

| | TINDAKAN | PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) | FASA 1 | FASA 2 |
|---|---|---|---|---|
| **24.** | **Kafeteria dan Makanan** | • Kafeteria dibenarkan beroperasi mengikut masa yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.<br>• Memastikan rekod daftar pengguna yang menggunakan kafeteria disediakan.<br>• Staf/ pelajar dikehendaki menggunakan aplikasi Aplikasi MySejahtera MySejahtera dan mengisi Borang Deklarasi Harian Saringan Risiko COVID-19 UiTM.<br>• Memastikan sebarang penyediaan makanan adalah secara *pack food* sahaja.<br>• Memastikan penjarakan fizikal di kafeteria sekurang-kurangnya 1 meter.<br>• Hanya pembelian secara bungkus dan menggunakan kaedah transaksi tanpa tunai. | | |
| **25.** | **Kedai Runcit / Bank /Farmasi/ Pejabat Pos di dalam kampus** | • Kedai runcit / bank /farmasi/ pejabat pos di dalam kampus dibenarkan beroperasi mengikut masa yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.<br>• Memastikan rekod daftar pengguna yang menggunakan premis disediakan.<br>• Staf/ pelajar dikehendaki menggunakan aplikasi Aplikasi MySejahtera dan dan mengisi Borang Deklarasi Harian Saringan Risiko COVID-19 UiTM.<br>• Memastikan penjarakan fizikal di premis sekurang-kurangnya 1 meter. | | |
| **PENGURUSAN AKTIVITI PELAJAR** | | | | |
| **26.** | **Pelaksanaan Aktiviti Pelajar** | • Semua aktiviti pelajar termasuk kelab, persatuan dan ko-kurikulum yang dilaksanakan secara bersemuka dan berkumpulan adalah **tidak dibenarkan**.<br>• Sebarang aktiviti sukan, sosial, rekreasi dan budaya adalah **tidak dibenarkan**. Pelaksanaan program/aktiviti adalah secara dalam talian atau platform digital yang bersesuaian. | • Semua aktiviti pelajar termasuk kelab, persatuan dan ko-kurikulum yang dilaksanakan secara bersemuka dan berkumpulan adalah **tidak dibenarkan**.<br>• Semua aktiviti sosial, keagamaan, ekonomi, sukan dan rekreasi secara berkumpulan adalah **tidak dibenarkan**.<br>• Aktiviti sukan dan rekreasi yang dilakukan secara individu di kawasan terbuka tanpa bersentuhan fizikal **terhad** kepada *joging* dan senaman sahaja dengan mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 2 hingga 3 meter tertakluk kepada arahan kawalan pergerakan yang sedang berkuat kuasa. Pelaksanaan program/aktiviti adalah secara dalam talian atau platform digital yang bersesuaian. | • Semua aktiviti pelajar termasuk kelab, persatuan dan ko-kurikulum yang dilaksanakan secara bersemuka dan berkumpulan adalah **tidak dibenarkan**.<br>• Semua aktiviti sosial, keagamaan, ekonomi, sukan dan rekreasi secara berkumpulan adalah **tidak dibenarkan**.<br>• Aktiviti sukan dan rekreasi yang dilakukan secara individu di kawasan terbuka tanpa bersentuhan fizikal yang **terhad** dengan mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 2 hingga 3 meter tertakluk kepada arahan kawalan pergerakan yang sedang berkuat kuasa. Pelaksanaan program/aktiviti adalah secara dalam talian atau platform digital yang bersesuaian. |

| TINDAKAN | | PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) | FASA 1 | FASA 2 |
|---|---|---|---|---|
| **PERGERAKAN PULANG PELAJAR IPT** | | | | |
| **27.** | **Kawalan Pergerakan pelajar yang akan pulang** | Tidak berkaitan | • **Pergerakan di dalam Semenanjung, Sarawak, Sabah dan Labuan.**<br>• **Pergerakan dari Sarawak, Sabah dan Labuan Ke Semenanjung.** | Tiada dinyatakan |
| **(a)** | **Mengenal pasti pelajar yang akan pulang** | Tidak berkaitan | • Pergerakan pulang pelajar yang telah tamat Sesi Akademik 2020/2021.<br>• Pelajar yang ingin pulang perlu mendaftar dengan pihak UiTM.<br>• Semua pelajar dibenarkan pulang kecuali lokaliti yang dikuatkuasakan PKPD dan negeri yang menguatkuasakan larangan pergerakan. | Tiada dinyatakan |
| **(b)** | **Penetapan tarikh pergerakan pelajar pulang** | Tidak berkaitan | • Pihak UiTM menentukan jadual pergerakan pelajar secara berfasa bermula **12 Julai 2021**.<br>• Kaedah pergerakan yang dibenarkan adalah seperti berikut:<br>(a) Pihak UiTM membantu menguruskan bas IPT/ bas sewa untuk pelajar pulang.<br>(b) Pelajar pulang dengan menggunakan kenderaan sendiri.<br>• Kos pengangkutan bagi bas IPT/ bas sewa adalah ditanggung sendiri oleh pelajar. | Tiada dinyatakan |
| **(c)** | **Persiapan dokumen** | Tidak berkaitan | Pihak UiTM melalui BHEP mengeluarkan surat pelepasan perjalanan rentas daerah / negeri kepada semua pelajar yang telah diberikan kebenaran pulang. | Tiada dinyatakan |
| **(d)** | **Sistem pelaporan pergerakan pelajar** | Tidak berkaitan | Pihak UiTM melalui BHEP perlu membuat pelaporan kepada KPT secara harian berhubung jumlah pelajar yang telah bergerak pulang. | Tiada dinyatakan |
| **28.** | **Kawalan Pergerakan pelajar yang akan pulang** | Tidak berkaitan | **Pergerakan ke Sarawak, Sabah dan Labuan** | Tiada dinyatakan |
| **(a)** | **Mengenal pasti pelajar yang akan pulang** | Tidak berkaitan | • Pergerakan pulang pelajar yang telah tamat Sesi Akademik 2020/2021.<br>• Pelajar yang ingin pulang perlu mendaftar dengan pihak IPT. | Tiada dinyatakan |

| TINDAKAN | | PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) | FASA 1 | FASA 2 |
|---|---|---|---|---|
| | | | • Semua pelajar dibenarkan pulang **kecuali** lokaliti yang dikuatkuasakan PKPD dan negeri yang menguatkuasakan larangan pergerakan.<br>• Ujian Swab RT-PCR dalam tempoh **5 hari** (sabah/labuan) atau **3 har**i (Sarawak) **sebelum** penerbangan.<br>• Pelajar yang tidak melepasi saringan akan dikuarantin untuk tempoh masa yang ditetapkan. | |
| **(b)** | **Penetapan tarikh pergerakan pelajar pulang** | Tidak berkaitan | • Pihak UiTM menentukan jadual pergerakan pelajar secara berfasa bermula **12 Julai 2021**.<br>• Kaedah pergerakan yang dibenarkan adalah seperti berikut:<br>(a) Pihak UiTM membantu menguruskan bas IPT/ bas sewa untuk pelajar pulang.<br>(b) Pelajar pulang dengan menggunakan kenderaan sendiri.<br>• Kos pengangkutan bagi bas IPT/ bas sewa adalah ditanggung sendiri oleh pelajar. | Tiada dinyatakan |
| **(c)** | **Persiapan dokumen** | Tidak berkaitan | Pihak UiTM melalui BHEP mengeluarkan surat pelepasan perjalanan rentas daerah / negeri kepada semua pelajar yang telah diberikan kebenaran pulang. | Tiada dinyatakan |
| **(d)** | **Sistem pelaporan pergerakan pelajar** | Tidak berkaitan | Pihak UiTM melalui BHEP perlu membuat pelaporan kepada KPT secara harian berhubung jumlah pelajar yang telah bergerak pulang. | Tiada dinyatakan |